

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN :

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah permohonan individu untuk keluar daripada agama Islam (murtad) pada tahun 2018 sehingga kini; dan
- (b) apakah usaha serta tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung gejala ini.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kecuali Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Pahang, bidang kuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan dalam Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri mengenai penentuan status agama Islam adalah seperti yang berikut :

1. pengisytiharan seseorang itu bukan lagi orang Islam; dan
2. pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seseorang Islam atau sebaliknya pada masa kematian.

Sebagai contoh subperenggan 61(3)(b)(x) dan (xi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukan seperti yang berikut :

“Seksyen 61 Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

- (1)
- (2)
- (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—
 - (a)
 - (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—
 - (x) pengisyiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;
 - (xi) pengisyiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematianya; dan ”

Berdasarkan peruntukan tersebut didapati bidang kuasa Mahkamah Syariah hanya membuat pengisyiharan penentuan status agama seseorang. Setakat ini Mahkamah Syariah tidak diberi bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan seseorang Islam untuk keluar daripada agama Islam. Sehubungan dengan itu, buat masa ini tiada kes permohonan keluar daripada agama Islam kerana ia diluar bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Gandhi a/p Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. and Other Appeal [2018] 1 MLJ 545* yang memutuskan seperti berikut :

“ *The jurisdiction of the syariah court is limited by the following :*

- (i)
- (ii)
- (iii) *It must be provided for under the relevant state legislation .”*

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam membendung sebarang cubaan atau fahaman yang boleh memberi kesan terhadap akidah umat Islam. Oleh itu, program-program berbentuk kesedaran dan bimbingan di kalangan saudara muslim telah diadakan bagi membendung gejala-gejala yang boleh menjelaskan akidah saudara muslim tersebut. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah :

1. Menyantuni saudara muslim melalui program ziarah dan lawatan ke rumah/ institusi berkaitan dan merancakkan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian Islam, seminar dan diskusi agama. Disamping itu, hubungan dengan NGO Islam turut dijalinkan bagi tujuan menyantuni dan mendekati saudara muslim (muallaf) supaya mereka tidak merasa terasing dan kebijakan mereka sentiasa dijaga.
2. Sokongan bantuan Baitul Mal disediakan kepada golongan asnaf di kalangan saudara muslim bagi meringankan tanggungan mereka. Selain itu, sokongan berbentuk khidmat nasihat juga turut disediakan kepada mereka yang mempunyai permasalahan berkaitan dengan hukum Syarak dan kekeluargaan yang disediakan di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Pejabat Agama Daerah yang berhampiran atau pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti (PKKSK) di kawasan yang berdekatan.
3. Bagi memastikan gejala ini dibendung secara berterusan, program-program jangka masa panjang turut dilaksanakan seperti berikut:
 - 3.1. Mengadakan kerjasama strategik antara agensi hal ehwal Islam Persekutuan dan Negeri, Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), berkaitan undang-undang dan penguatkuasaan melalui Akta/ Enakmen/ Ordinan Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Manakala bagi tapisan cetakan, penjualan buku dan bahan-bahan penerbitan yang dianggap bertentangan dengan hukum

syarak dikawal melalui Akta/ Enakmen/ Ordinan Mesin Cetak Dan Penerbitan;

- 3.2. Mempertingkatkan program dakwah, kebajikan dan pemulihan di kalangan masyarakat Islam melalui agensi agama di peringkat persekutuan mahupun Negeri;
- 3.3. Memberi bantuan zakat kepada asnaf dan sokongan kepada NGO untuk melaksanakan program atau ziarah mahabbah kepada individu atau kelompok yang disasarkan; dan
- 3.4. Memperbanyakkan siaran program-program kefahaman Islam melalui media massa supaya dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.